Source: *Berita Harian,* p19
Date: 17 June 2016

Sempena Ramadan ini, dua pemuda berkongsi visi tentang ruang solat tarawih di kawasan kejiranan flat HDB yang kebanyakannya terletak di kolong blok. Untuk itu, mereka mengendalikan projek 'Our Musollah' bagi membolehkan kisah penubuhan ruang solat itu dipaparkan, termasuk adanya semangat gotong-royong di kalangan masyarakat Islam Singapura. Wartawan kami melaporkan.

Usaha dokumentari solat di kolong blok demi generasi masa depan



DI JURONG WEST: Penggunaan ruang musala di Blok 724, Jurong West Street 72 telah dimulakan sekitar 20 tahun lalu oleh Allahyarham Ustaz Jumaat Yadi. – Foto-foto ZAKARIA ZAINAL

▶**NURMAYA ALIAS**
nurmayaa@sph.com.sg

PADA setiap Ramadan, ruang kolong blok flat HDB atau ruang dewan serbaguna di kawasan kejiranan menjadi ruang musala bagi penduduk mengerjakan solat tarawih.

Terdapat ruang musala yang sudah wujud melebihi 30 tahun. Di antaranya termasuklah ruang di kawasan West Coast Drive, Tampines Street 22 dan Clementi West Street 2.

Tertarik dengan kisah-kisah masyarakat Islam di sebalik ruang musala itu, Encik Fauzy Ismail, 29 tahun, penyelidik di Jabatan Seni Bina Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Encik Zakaria Zainal, 31 tahun, seorang jurugambar, telah bekerjasama merakam kisah dan gambar-gambar ruang yang digunakan untuk solat tarawih.

Ruang-ruang di bawah blok atau dewan serbaguna itu juga digunakan untuk kegiatan-kegiatan masyarakat dalam Ramadan.

Projek yang diusahakan oleh Encik Fauzy dan Encik Zakaria itu dinamakan *Our Musollah*. Ia kini boleh diikuti menerusi Facebook.

Tujuan projek itu antaranya membolehkan orang ramai berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka menggunakan ruang solat tersebut, bagaimana ia memberi kemudahan kepada penduduk dan asal usul penubuhan ruang-ruang solat berkenaan yang biasanya digunakan untuk solat tarawih dan solat Hari Raya.

Menurut Encik Zakaria, beliau telah memulakan projek fotografi merakamkan ruang solat di kawasan kejiranan sekitar tiga tahun lalu.

Encik Fauzy, kini penuntut kursus sarjana tahun terakhir dalam jurusan seni bina di NUS, ketika itu sedang mencari seorang jurugambar bagi membantunya merakam keadaan musala di kawasan Orchard dan kawasan pusat bandar (CBD) demi menyiapkan tesisnya.

Lantaran itu, beliau berganding bahu dengan Encik Fauzy bagi projek *Our Musollah* yang masih terus diusahakan.

Sejauh ini, mereka telah merakam lapan ruang musala khususnya di kolong-kolong blok HDB.

Projek yang bermula April lalu itu diharap dapat menjadi rujukan kepada generasi akan datang.

Menurut Encik Fauzy, mereka difahamkan terdapat sekitar 40 ruang solat tarawih di sini. Ada juga ruang musala yang tidak diketahui yang mungkin ditubuhkan di kawasan kejiranan baru.

Mengulas tentang obektif projek tersebut, Encik Fauzy berkata:

"Kami mahu penduduk berkongsi cerita dan pengalaman mengurus dan menggunakan sesuatu ruang musala itu. Ini seperti cabaran yang dihadapi dan bagaimana mereka mengatasi cabaran itu?

"Kami juga mahu memaparkan pengguna ruang musala itu yang sebahagian besarnya adalah golongan warga tua dan pekerja.

"Selain itu, kami juga mahu memaparkan peranan generasi muda yang turut membantu menguruskan ruang-ruang solat dan kegiatan-kegiatannya. Begitu juga dengan peranan kaum wanita."

Lantas, mereka berharap dapat memaparkan wujudnya semangat gotong-royong keluarga, jiran dan rakan di sesebuah kawasan itu – nostalgia semasa tinggal di kampung dahulu.

Misalnya, kawasan Jurong West pernah mempunyai sebuah masjid kecil, Masjid Majapahit, yang dirobohkan pada tahun 2000.

USAHA MERAKAM MUSALA: Jurugambar, Encik Zakaria Zainal *(kiri)* dan Encik Fauzy Ismail telah bekerjasama bagi projek *Our Musollah*, yang merakam gambar dan kisah ruang solat tarawih di kawasan kejiranan.

Bagi memberi kemudahan kepada warga tua dan pekerja, ruang musala di kolong Blok 724, Jurong West Street 72 ditubuhkan oleh Allahyarham Ustaz Jumaat Yadi sekitar 20 tahun lalu.

Di sana, mereka kerap mengadakan acara sambutan Maulud dan Israk Mikraj.

Justeru, ia menjadi sebuah tempat yang menyatukan penduduk dan keluarga mereka menjalankan kegiatan-kegiatan kemasyarakatan.

Kini, ruang musala itu diuruskan oleh Encik Yusoff Subri Abdul Ghafoor, 58 tahun, bersama jiran-jirannya.

Untuk merancakkan lagi kegiatan-kegiatan mereka khususnya dalam Ramadan ini, kumpulan penduduk ini mengundang beberapa orang golongan muda mengimamkan solat tarawih di situ.

Namun, ramai penduduk yang menggunakan kemudahan solat tarawih di Blok 724 itu berasa kemungkinan besar tahun ini adalah tahun akhir ruang itu digunakan kerana Masjid Maarof yang berdekatan bakal siap dibina.

HARAP BERI MAKLUM BALAS

"Ruang musala di kawasan kejiranan lain ini amat bermakna buat penduduk kerana ia tempat mereka dapat membina semangat kemasyarakatan.

"Kami harap menerusi projek *Our Musollah* ini, ia akan menggalakkan lebih ramai terutama golongan muda menyumbang tenaga kepada masyarakat.

"Sebagai jurugambar, peranan saya ialah memaparkan gambar yang dapat menambah nilai pengetahuan budaya kepada masyarakat Islam Singapura," kata Encik Zakaria.

Kedua-dua Encik Fauzy dan Encik Zakaria mengalu-alukan penduduk yang ingin berkongsi cerita mengenai ruang solat di bawah blok HDB atau dewan serbaguna supaya menghubungi mereka menerusi laman Facebook, bit.do/musollah.

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.